

Unit 4.4 Menjaga dan Menaikkan Imej Sekolah

Soalan 1. Isikan tempat kosong dengan perkataan yang betul. 10 markah

ponteng

mengajarkan

merugikan

ponteng

membimbing

membelanjakan

ilmu

tercicir

kerugian

imej

Sekolah adalah tempat pelajar mendapatkan pelbagai 1. _____ seperti

Pengetahuan Ugama Islam, Sains, Matematik, Geografi dan sebagainya.

Para pelajar hendaklah menjaga dan 2. _____ nama baik sekolah kerana kita

mendapat pelbagai ilmu bermanfaat dari pada guru-guru untuk keperluan hidup. Selain dari

membekalkan pelajar dengan ilmu pengetahuan, guru-guru juga 3. _____ pelajar

melaksanakan ilmu tersebut sehingga menjadikan sekolah mereka terkenal dengan

4. _____ yang baik.

Terdapat banyak cara untuk menjaga dan menjaga dan menaikkan nama baik sekolah, antaranya

ialah dengan cara tidak 5. _____ sekolah. Ponteng sekolah bererti tidak hadir ke

sekolah tanpa sebab. Ponteng sekolah 6. _____ pelajar itu sendiri, keluarga dan

negara. Contohnya pelajar tidak mengetahui ilmu yang diajarkan pada hari dia ponteng

sekolah. Selain itu, keluarga juga akan mengalami 7. _____ kerana pelajar tidak dapat

mengongsikan ilmu yang diajarkan disekolah kepada ahli keluarganya.

Contohnya, jika pelajar ponteng semasa guru 8. _____ cara sembahyang

berjemaah, keluarga juga tidak dapat mengetahui cara sembahyang tersebut. Jika ramai pelajar

ponteng sekolah, sudah tentulah ramai pelajar yang tidak berilmu dan 9. _____.

Negara juga akan mengalami kerugian kerana 10. _____ wang berjuta-juta ringgit

untuk memajukan bidang pendidikan. Oleh itu, pelajar-pelajar janganlah ponteng sekolah kerana

perbuatan tersebut boleh menjejaskan imej atau nama baik sekolah.

Soalan 2. Asingkan kepentingan melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum di tempat yang betul.

Kepentingan Melibatkan Diri Dalam Kegiatan Kokurikulum	
Keuntungan Melibatkan diri	Kerugian Tidak Melibatkan Diri
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

Terdapat kemungkinan kurang percaya diri untuk maju	Pengalaman yang boleh diterapkan selepas tamat sekolah
Kurang pendedahan tentang nilai-nilai bekerjasama dan pentingnya berkongsi idea yang pelbagai	Mengasah bakat kepimpinan
Membina keyakinan diri	Kurang pendedahan tentang pengalaman bagaimana mengurus emosi
Pencapaian kejayaan dikatakan kurang seimbang jika murid hanya berjaya dalam akademik tetapi tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum sekolah	Membina sikap positif
Semangat bekerjasama, tolong-menolong dan berkongsi idea	Kurang pendedahan bagaimana menyelesaikan masalah dan membuat keputusan